



04 SEP, 2025

Sultan Selangor terima zakat perniagaan, pendapatan RM64.9 juta

Sinar Harian, Malaysia



Sultan Selangor terima zakat perniagaan, pendapatan RM64.9 juta

FOTO ASRIL ASWANDI SHUKOR

Sultan Sharafuddin (dua dari kiri) menerima zakat perniagaan daripada TH yang diwakili Mohd Na'im (dua dari kanan) di Istana Alam Shah pada Selasa.



Mohd Na'im (kanan) melafazkan serahan zakat perniagaan bagi TH kepada Sharafuddin (kiri).

KLANG - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan dan pendapatan berjumlah RM64.9 juta kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Istana Alam Shah di sini pada Selasa.

Sumbangan daripada 13 syarikat korporat dan seorang individu itu di-dahului Lembaga Tabung Haji (TH) yang menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM28.01 juta, menjadikan-nya penyumbang korporat terbesar kepada LZS pada tahun ini.

Serahan itu disempurnakan oleh

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Turut menunaikan zakat perniagaan ialah Cyberview Sdn Bhd sebanyak RM5.43 juta yang diserahkan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Kamarul Ariffin, manakala Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyumbang RM4.57 juta melalui Ketua Pegawai Solusi Perniagaan Global, Datuk Ir Azmi Md Yusof.

Selain itu, Kumpulan Gas Malaysia Berhad diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ahmad Hashimi Abdul Manap menyerahkan RM3.50 juta, manakala

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad yang diwakili Pengerusinya, Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak menunaikan zakat berjumlah RM3.42 juta.

Syarikat lain turut menyerahkan zakat perniagaan ialah Kumpulan Proton sebanyak RM3.19 juta, Kumpulan DRB-HICOM RM2.45 juta, PLUS Berhad RM2.60 juta, Northport (Malaysia) Berhad RM1.64 juta, Maybank Islamic Berhad RM1.60 juta, Kumpulan Etiqa Takaful RM1.50 juta, Kumpulan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Edgenta Infrastructure Services Sdn Bhd yang masing-masing berjumlah RM1 juta.

Individu korporat, Datuk Kamarudin Meranun pula menunaikan zakat pendapatan berjumlah RM5.07 juta.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Salehuddin Saidin; Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail; Timbalan Pengerusi LZS, Tan Sri Ambrin Buang dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd Khaidzir Shahari.

Menurut Mohd Khaidzir, kutipan zakat itu memberikan manfaat kepada lebih 350,000 penerima di Selangor melalui pelbagai program bantuan dan pembangunan sosio ekonomi.